

Sinar Harian (30/7/2022) Page 30

'Kami jadi macam orang gila'

Penduduk desak supaya kolam takungan musang king di kawasan pergunungan dihentikan segera

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA
BALING

Penduduk Kampung Iboi, Kupang di sini mendesak agar kolam takungan projek durian musang king di Gunung Inas, dihentikan segera. Mangsa banjir, Abd Wahab Samah, 71, berkata, selagi kolam takungan itu wujud, perasaan bimbang, trauma dan takut sering menghantui penduduk.

Dia yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Kampung Padang Empang

sejak Khamis berkata, setiap kali hujan lebat, penduduk menjangkakan paras air sungai melimpah disebabkan longgokan pasir kesan bencana dan kepala air pada 4 Julai lalu.

"Kami jadi macam orang gila, nampak sahaja air sungai melimpah, terus kemas dan angkut barang pindah ke tempat selamat.

"Nak selesaikan masalah ini adalah percepatkanlah kerja-kerja merobohkan kolam takungan yang banyak atas gunung tu, sebab selama ini kami dah biasa hadap banjir tetapi tidaklah teruk.

"Namun, sejak ada kolam takungan, berlaku kepala air, kami risau air takungan tu bila-bila masa sahaja boleh melimpah dan timpa perkampungan penduduk macam hari tu," luahnya.

Seorang lagi mangsa, Amat Hassan, 68, mengakui pengalamah ngeri berdepan detik cemas ketika air naik mendadak sehingga terpaksa menyelamat-



AMAT



ABD WAHAB

kan diri dengan memanjat bumbung, tidak dapat dilupakan.

"Mula-mula hujan, air naik kemudian surut, lepas tu air naik lagi sekali, bila tengok lain macam, kami tak berani tunggu lagi," katanya.

Mangsa banjir, Mohd Dahari Abdul Latif, 64, pula mendakwa sekiranya kolam takungan seluas padang bola itu pecah, ada kemungkinan tragedi kepala air berulang.

"Pada kejadian awal bulan lalu, saya hampir lemas kerana dihanyutkan air deras, mujur dapat menyelamatkan diri dengan me-



Beginilah keadaan Kampung Iboi yang dilanda banjir sekali lagi pada Khamis.

manjat pokok pinang setinggi kira-kira 15 meter dan bertahan dalam kesejukan selama tiga jam sebelum diselamatkan," katanya. Terbaharu, Kampung Iboi yang dilanda banjir dan kepala air 4 Julai lalu ditenggelami air

pada Khamis akibat banjir kilat. Sebanyak 75 buah rumah dari beberapa buah kampung melibatkan kira-kira 300 mangsa terjejas dengan 58 mangsa ditempatkan di PPS sejak malam Khamis.